BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan penting berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dalam memenuhi mandatnya.

Kandungan

MS5 **Sorotan Penting**

MS7 **Persekitaran Ekonomi Antarabangsa**

MS9 **Perkembangan Ekonomi Malaysia**

MS19 **Perkembangan Monetari dan Kewangan**

MS23 **Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia**

MS25 **Tinjauan Makroekonomi**

MS27 **Tambahan**


Sorotan Penting

Perkembangan Ekonomi dan Kewangan pada S4 2018

Ekonomi negara meningkat lebih tinggi sebanyak 4.7% meskipun berdepan isu-isu global

Permintaan dalam negeri terus berkembang dalam keadaan gangguan bekalan yang semakin reda

Pertumbuhan KDNK Benar



Pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga terus mendorong perbelanjaan isi rumah yang teguh


Sektor perkilangan terus berkembang, disokong oleh segmen elektronik

Prestasi sektor perlombongan dan pertanian bertambah baik

Inflasi keseluruhan lebih rendah pada suku keempat 2018

Inflasi menurun pada suku keempat 2018 berikutan inflasi pengangkutan yang menjadi negatif


Inflasi Keseluruhan dan Inflasi Teras[1]



[1] Inflasi teras tidak mengambil kira anggaran kesan langsung daripada perubahan dasar cukai penggunaan

Gabungan kesan perubahan dasar cukai penggunaan terus memberi impak menurun terhadap inflasi keseluruhan

Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia melainkan dinyatakan sebaliknya
Untuk maklumat lanjut, lawati www.bnm.gov.my

Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

SOROTAN PENTING

- **Ekonomi global terus berkembang, meskipun pada kadar yang lebih sederhana.**
- **Pertumbuhan eksport ekonomi serantau semakin lemah, dalam keadaan permintaan luaran yang lebih rendah dan kesan ketegangan perdagangan global yang berterusan.**
- **Volatiliti pasaran kewangan tercetus semula pada permulaan suku keempat, tetapi berkurang menjelang akhir tahun 2018.**

Pertumbuhan global meningkat pada kadar yang lebih sederhana


Ekonomi global terus berkembang, meskipun pada kadar yang lebih sederhana pada suku keempat 2018. Selain Amerika Syarikat (AS), ekonomi maju utama dan pasaran sedang pesat membangun mencatatkan pertumbuhan yang lebih sederhana.

Dalam ekonomi maju, pertumbuhan yang bertambah baik dalam pasaran pekerja menyokong penggunaan swasta, apabila kadar pengangguran dan pertumbuhan upah kekal stabil. Indeks Harga Pengguna mencatatkan peningkatan yang lebih sederhana pada suku tersebut, berikutan kenaikan harga bahan api yang sederhana. Aktiviti pelaburan mencatatkan perkembangan yang lebih perlahan di kebanyakan negara. Rangsangan fiskal daripada langkah reformasi cukai pada tahun 2017 di AS semakin menyusut pada suku keempat 2018.

Tanda-tanda menunjukkan pertumbuhan yang sederhana berlaku serentak di rantau Asia. Republik Rakyat China (RR China) mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan apabila ekonominya menghadapi rintangan dari luar dan dalam negeri. Walau bagaimanapun, pelaburan infrastruktur di RR China meningkat sedikit menjelang akhir suku tersebut, mencerminkan sokongan dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Aktiviti ekonomi global lebih sederhana pada S4 2018

Rajah 1: Pertumbuhan KDNK




*Merujuk kepada pertumbuhan KDNK 4Q18 tersirat berdasarkan unjuran tahunan IMF tahun 2018 kerana penutupan kerajaan telah menangguhkan pengeluaran data KDNK sebenar.

Sumber: Pihak berkuasa negara

Permintaan domestik di negara-negara Asia lain meningkat sederhana, kebanyakannya disebabkan oleh sokongan daripada pelaburan yang semakin menyusut dan permintaan luaran yang lebih rendah. Pertumbuhan penggunaan swasta terus mampan.

Prestasi eksport lebih sederhana pada S4 2018


Rajah 2: Pertumbuhan Eksport Ekonomi Terpilih (dalam Dolar AS)



Sumber: Bloomberg

Volatiliti pasaran kewangan lebih ketara

Rajah 3: Index Ketidaktentuan (VIX) Chicago Board Options Exchange (CBOE)



Sumber: Bloomberg

Pertumbuhan eksport lebih rendah

Permintaan luaran yang semakin lemah dan ketidakpastian yang timbul daripada tindakan perdagangan yang berterusan telah menjejaskan permintaan luaran bagi ekonomi serantau. Kebanyakan ekonomi serantau mencatatkan pertumbuhan eksport yang lebih rendah pada suku keempat 2018, mencerminkan penghantaran eksport yang semakin berkurang ke AS, Kawasan Euro dan RR China. Dari segi produk, pertumbuhan eksport serantau yang lebih rendah adalah disebabkan oleh keluaran elektrik dan elektronik, manakala harga komoditi yang lebih rendah juga menjejaskan prestasi eksport keseluruhan.

Volatiliti pasaran kewangan lebih tinggi

Volatiliti pasaran kewangan terus meningkat pada bulan Oktober, berikutan penjualan ekuiti di AS dan ekonomi pasaran sedang pesat membangun (EME). Hal ini sebahagiannya disebabkan oleh dasar monetari yang ketat yang dilaksanakan di AS ekoran keuntungan korporat yang dilaporkan semakin rendah.

Yang nyata, keadaan kewangan di pasaran sedang pesat membangun terus ketat, berikutan aliran keluar modal yang berterusan di negara-negara Asia dan Amerika Latin. Gangguan perdagangan daripada kenaikan tarif AS dan spekulasi tentang langkah-langkah tindakan balas bukan tarif oleh RR China memburukkan lagi volatiliti pasaran kewangan pada suku keempat 2018, meskipun keadaan itu menjadi lega pada bulan Disember berikutan tariff yang dirancang telah digantung.

Harga purata minyak mentah Brent turun kepada USD69 setong pada suku keempat 2018 (S3 2018: USD76). Penurunan harga minyak mentah ini didorong oleh jangkaan terdapat lebihan bekalan minyak dunia apabila AS melaporkan pengeluaran minyak paling banyak dan pemberian pengecualian sekatan ke atas rakan perdagangan minyak Iran. Harga juga terjejas akibat kebimbangan terhadap kesan pertumbuhan global yang sederhana ke atas permintaan minyak.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

SOROTAN PENTING


- **Ekonomi Malaysia meningkat 4.7% pada suku keempat.**
- **Inflasi keseluruhan menurun sedikit kepada 0.3%, manakala inflasi teras meningkat kepada 1.6%.**
- **Lebihan akaun semasa meningkat kepada RM10.8 bilion (atau 3.0% daripada PNK) pada suku keempat.**

Ekonomi Malaysia meningkat lebih tinggi pada kadar 4.7%

Ekonomi Malaysia meningkat 4.7% pada suku keempat 2018 (S3 2018: 4.4%), disokong oleh permintaan dalam negeri yang terus berkembang dan pertumbuhan yang positif dalam eksport bersih. Perbelanjaan sektor swasta kekal sebagai pemacu utama permintaan dalam negeri, manakala pemulihan eksport barangan dan perkhidmatan benar (+1.3%; S3 2018: -0.8%) menyumbang kepada pertumbuhan positif eksport bersih. Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara berkembang 1.4% (S3 2018: 1.6%). Bagi tahun 2018 secara keseluruhan, ekonomi negara berkembang 4.7% (2017: 5.9%).

Pertumbuhan yang lebih tinggi pada S4 2018


Rajah 4: Pertumbuhan KDNK benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan disokong aktiviti sektor swasta


Rajah 5: Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pembentukan modal tetap kasar adalah sederhana

Rajah 6: Pertumbuhan PMTK Mengikut Jenis Aset



* Aset-aset lain termasuk penerokaan mineral, penyelidikan & pembangunan serta pelaburan modal.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri berkembang dengan lebih perlahan

Permintaan dalam negeri berkembang dengan lebih sederhana pada kadar 5.6% pada suku keempat (S3 2018: 6.9%). Pertumbuhan yang lebih sederhana ini disebabkan oleh pembentukan modal tetap kasar yang lebih perlahan.

Pertumbuhan penggunaan swasta kekal teguh pada kadar 8.5% (S3 2018: 9.0%) meskipun pembelian dibuat lebih awal untuk memanfaatkan tempoh pelepasan cukai pada suku ketiga. Peningkatan pendapatan dan guna tenaga terus mendorong perbelanjaan isi rumah. Langkah-langkah Kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup, seperti pembayaran khas kepada kakitangan kerajaan dan pesara, sedikit sebanyak turut menggalakkan perbelanjaan pengguna.

Pertumbuhan pelaburan swasta menjadi sederhana kepada 4.4% (S3 2018: 6.9%), disebabkan oleh perbelanjaan modal yang lebih perlahan di seluruh sektor ekonomi utama. Namun demikian, projek berbilang tahun yang sedang berjalan, khususnya dalam sektor perkilangan, terus menyokong pertumbuhan keseluruhan.

Penggunaan awam berkembang dengan lebih perlahan pada 4.0% (S3 2018: 5.2%), disebabkan oleh pertumbuhan perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan yang lebih sederhana.

Pelaburan awam terus menguncup sebanyak 4.9% pada suku keempat (S3 2018: -5.5%), disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan modal yang lebih rendah oleh perbadanan awam.

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) berkembang sedikit pada kadar 0.3% (S3 2018: 3.2%), susulan perbelanjaan modal sektor swasta yang lebih sederhana di tengah-tengah penguncupan pelaburan sektor awam. Dari segi jenis aset, perbelanjaan modal untuk struktur berkembang 0.8% (S3 2018: 1.8%), manakala pelaburan dalam jentera dan kelengkapan merosot (-1.5%; S3 2018: 5.9%).

Kebanyakan sektor ekonomi terus berkembang


Dari segi penawaran, sektor utama terus berkembang, manakala sektor berkaitan komoditi bertambah baik.

Dalam sektor perkhidmatan, subsektor perdagangan borong dan runcit terus mendapat sokongan daripada perbelanjaan pengguna yang masih kukuh. Subsektor maklumat dan komunikasi mendapat manfaat daripada permintaan yang berterusan terhadap perkhidmatan komunikasi data serta kesan positif daripada permintaan terhadap jalur lebar tetap berikutan pelaksanaan mekanisme Penetapan Harga Akses Piawai Mandatori (Mandatory Standard Access Pricing, MSAP). Pertumbuhan subsektor pengangkutan dan penyimpanan bertambah baik sedikit sejajar dengan aktiviti perdagangan yang lebih kukuh. Kegiatan dalam subsektor kewangan dan insurans berkembang pada kadar yang sederhana memandangkan pertumbuhan tuntutan insurans yang lebih tinggi dan pendapatan berasaskan fi yang lebih rendah telah memberikan kesan terhadap prestasi subsektor ini.

Pertumbuhan sektor perkilangan terus dipacu oleh kelompok elektronik dan elektrik (E&E) yang terus kukuh serta pengeluaran berkaitan pengangkutan. Pertumbuhan kelompok E&E yang kukuh adalah disebabkan oleh pembelian eksport peringkat global yang dibuat lebih awal ekoran jangkaan kenaikan tarif perdagangan antara AS dengan Republik Rakyat China. Peningkatan dalam pengeluaran berkaitan pengangkutan disokong oleh pengilangan kereta penumpang dan alat ganti kenderaan. Hal ini susulan kempen promosi besar-besaran oleh syarikat jualan kereta dan juga penambahan stok kenderaan selepas tempoh pelepasan cukai berakhir. Namun begitu, peningkatan ini diimbangi oleh prestasi yang lebih lembap dalam kelompok berkaitan sumber dan pembinaan. Hal ini ekoran permintaan serantau yang lebih rendah terhadap keluaran perkilangan berasaskan sumber seperti kimia, keluaran minyak sawit yang ditapis serta keluaran asas besi dan keluli.

Perkembangan berterusan dalam kebanyakan sektor, kecuali sektor berkaitan komoditi


Rajah 7: Pertumbuhan Mengikut Sektor



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkhidmatan dan perkilangan sebagai penyumbang utama pertumbuhan

Rajah 8: Sumbangan kepada Pertumbuhan KDNK Benar Mengikut Sektor Ekonomi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi sektor perlombongan meningkat dengan ketara pada suku keempat hasil daripada pengeluaran minyak dan gas asli yang lebih tinggi setelah pengeluaran terjejas pada suku sebelumnya akibat penutupan loji pengeluaran untuk tujuan penyenggaraan. Meskipun kegiatan menuai sawit dan memotong getah terganggu akibat keadaan cuaca yang buruk, sektor pertanian hanya mencatatkan sedikit kemerosotan.

Sektor pembinaan mencatatkan pertumbuhan yang lebih rendah disebabkan oleh aktiviti subsektor kejuruteraan awam dan perdagangan khas yang lebih sederhana. Berikutan hampir siapnya projek-projek petrokimia yang besar dan terdapat penangguhan pembinaan lebuh raya, subsektor kejuruteraan awam telah menerima kesannya. Sementara itu, sokongan terhadap aktiviti kerja-kerja peringkat awal dalam subsektor perdagangan khas[1] kini semakin berkurang memandangkan projek memasuki fasa kerja peringkat pertengahan. Pertumbuhan subsektor bukan kediaman bertambah baik, manakala subsektor kediaman terus lemah memandangkan masih terdapat banyak harta kediaman yang masih tidak terjual.

[1] Termasuk kerja-kerja pemulihgunaan tanah, penyediaan tapak, pemasangan elektrik, dan kerja-kerja untuk projek khas seperti panel suria.

Inflasi yang lebih rendah pada suku keempat disebabkan inflasi pengangkutan yang menjadi negatif

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun kepada 0.3% pada S4 2018 (S3 2018: 0.5%). Bagi tahun 2018 secara keseluruhan, purata inflasi keseluruhan adalah 1.0% (2017: 3.7%), tahap paling rendah yang dicatatkan sejak tahun 2009.


Inflasi keseluruhan yang lebih rendah ini disebabkan terutamanya oleh inflasi pengangkutan yang menjadi negatif (S4 2018: -1.2%; S3 2018: 3.0%). Hal ini mencerminkan harga domestik yang ditetapkan bagi petrol RON95 dan diesel pada suku tersebut berbanding dengan harga bahan api yang lebih tinggi dalam tempoh asas S4 2017.

Gabungan kesan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST) pada kadar sifar dan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST) terus memberi impak menurun terhadap inflasi keseluruhan pada suku keempat. Peratusan barangan dalam bakul IHP dengan kadar inflasi yang melebihi 2%, kekal rendah sekitar 9% pada S4 2018 (S3 2018: 9%).

Inflasi teras, yang tidak mengambil kira kesan perubahan dasar cukai penggunaan, meningkat kepada 1.6% (S3 2018: 1.4%). Tekanan inflasi dalam ekonomi yang didorong oleh permintaan kekal dibendung dengan ketiadaan tekanan gaji yang berlebihan dan terdapat lebihan kapasiti dalam stok modal.

Inflasi keseluruhan yang lebih rendah mencerminkan deflasi dalam kategori pengangkutan


Rajah 9: Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rebakan inflasi stabil pada S4 2018


Rajah 10: Rebakan Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Guna tenaga terus meningkat namun pada kadar yang lebih sederhana


Rajah 11: Pertumbuhan Guna Tenaga



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan upah sektor perkilangan terus mampan

Rajah 12: Upah sektor perkilangan*



* Upah sektor perkilangan diperoleh daripada data gaji dan upah yang diterbitkan dalam Perangkaan Pembuatan Bulanan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Upah sektor perkhidmatan tidak ditunjuk kerana data berkenaan tidak dapat diperoleh apabila draf sedang dimuktamadkan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Keadaan pasaran pekerja stabil

Pada suku keempat, keadaan pasaran pekerja terus menyokong kegiatan ekonomi. Jumlah guna tenaga terus bertambah walaupun pada kadar yang lebih sederhana (2.4%; S3 2018: 2.6%), dalam keadaan pengangguran yang stabil (3.3%; S3 2018: 3.4%). Sektor perkhidmatan mencatatkan pertambahan guna tenaga bersih yang lebih tinggi.

Pertumbuhan upah sektor perkilangan kekal kukuh pada kadar 9.8% (S3 2018: 9.6%). Kenaikan upah dalam industri berorientasikan eksport (10.8%; S3 2018: 10.9%) terus mengatasi kenaikan upah dalam industri pasaran dalam negeri (6.6%; S3 2018: 6.1%).

Lebihan akaun semasa meningkat


Lebihan akaun semasa meningkat kepada RM10.8 bilion (S3 2018: RM3.8 bilion) pada suku keempat. Peningkatan ini disebabkan oleh lebihan barangan yang lebih besar[2] dan defisit pendapatan yang lebih kecil, yang lebih daripada mengimbangi defisit perkhidmatan yang lebih tinggi.

Lebihan barangan meningkat kepada RM33.0 bilion (S3 2018: RM26.6 bilion) hasil daripada eksport perkilangan yang lebih kukuh dalam segmen E&E dan bukan E&E, di tengah-tengah penguncupan eksport komoditi yang lebih kecil. Walau bagaimanapun, defisit akaun perkhidmatan adalah lebih besar sebanyak RM4.3 bilion (S3 2018: -RM3.3 bilion), disebabkan terutamanya oleh lebihan akaun perjalanan yang lebih kecil (RM7.4 bilion; S3 2018: RM8.0 bilion) dan pembayaran bersih yang lebih tinggi kepada penyedia asing bagi perkhidmatan seni bina dan kejuruteraan serta penggunaan harta intelek.

Dalam akaun pendapatan, defisit yang lebih kecil dalam akaun pendapatan primer (-RM12.9 bilion; S3 2018: -RM15.0 bilion) adalah disebabkan oleh peningkatan pendapatan yang dijana oleh firma Malaysia yang melabur di luar negeri serta keuntungan terakru pelabur asing di Malaysia yang lebih kecil. Defisit pendapatan sekunder kekal tinggi sebanyak RM4.9 bilion (S3 2018: -RM4.5 bilion), disebabkan pengiriman wang ke luar oleh pekerja asing yang berterusan.

Imbangan akaun semasa lebih tinggi

Rajah 13: Imbangan akaun semasa




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

[2] Perbezaan antara lebihan barangan dengan lebihan perdagangan mungkin timbul berikutan pengecualian barangan pemprosesan, penyimpanan dan pengagihan dalam akaun barangan mengikut Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) Edisi Keenam oleh IMF.

Aliran masuk bersih yang lebih tinggi dalam akaun pelaburan langsung

Rajah 14: Aliran Pelaburan Langsung Bersih Mengikut Sektor




Nota: Bagi DIA, angka positif merujuk aliran keluar bersih manakala angka negatif merujuk aliran masuk bersih

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Aliran keluar bersih dalam akaun pelaburan portfolio disebabkan kedua-dua pelabur pemastautin dan bukan pemastautin

Rajah 15: Pelaburan portfolio



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM6.1 bilion (S3 2018: Aliran masuk bersih sebanyak RM2.3 bilion). Hal ini disebabkan oleh peningkatan dalam aliran keluar bersih akaun pelaburan portfolio dan pelaburan lain, yang lebih daripada mengimbangi aliran masuk bersih pelaburan langsung pada suku tersebut.

Akaun pelaburan langsung mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM2.1 bilion (S3 2018: aliran masuk bersih sebanyak RM0.5 bilion). Pada suku tersebut, pelaburan langsung asing (FDI) bertambah baik dengan mencatatkan jumlah aliran masuk bersih yang lebih besar sebanyak RM12.9 bilion (S3 2018: aliran masuk bersih sebanyak RM4.3 bilion). Aliran masuk FDI disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan bukan kewangan. Pelaburan langsung di luar negeri (DIA) oleh syarikat Malaysia juga mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih besar sebanyak RM10.8 bilion (S3 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM3.8 bilion). Aliran keluar DIA disalurkan terutamanya kepada sektor perlombongan dan sektor perkhidmatan bukan kewangan.

Akaun pelaburan portfolio mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM5.8 bilion (S3 2018: aliran masuk bersih yang kecil sebanyak RM1.0 bilion). Hal ini mencerminkan perubahan dalam arah aliran urus niaga aset portfolio pemastautin, berikutan pembelian sekuriti ekuiti di luar negeri yang lebih tinggi (S4 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM3.3 bilion; S3 2018: aliran masuk bersih sebanyak RM4.4 bilion). Pelaburan portfolio bukan pemastautin mencatatkan aliran keluar yang lebih kecil sebanyak RM2.5 bilion (S3 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM3.6 bilion). Keadaan ini disebabkan oleh pelupusan sekuriti ekuiti bersih berikutan ketidaktentuan pasaran kewangan global yang semakin ketara.

Akaun pelaburan lain mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM1.8 bilion (S3 2018: aliran masuk bersih sebanyak RM1.0 bilion). Hal ini disebabkan oleh aliran keluar berikutan cukup tempoh matang deposit antara bank dalam sektor perbankan domestik dan kredit perdagangan, yang sebahagiannya diimbangi oleh aliran masuk daripada kematangan mata wang dan deposit serta pembayaran balik kredit perdagangan kepada

sektor swasta. Kesilapan dan ketinggalan bersih berjumlah -RM10.8 bilion atau -2.2% daripada jumlah perdagangan. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah USD101.4 bilion pada akhir bulan Disember 2018, berbanding jumlah sebanyak USD103.0 bilion pada akhir bulan September 2018.

Hutang luar negeri terurus


Hutang luar negeri Malaysia lebih rendah pada RM924.9 bilion atau 64.7% daripada KDNK pada akhir bulan Disember 2018 (akhir bulan September 2018: RM933.3 bilion atau 65.3% daripada KDNK). Hutang luar negeri yang lebih rendah ini mencerminkan pembayaran balik bersih peminjaman antara bank dan kredit perdagangan, serta beberapa pelupusan sekuriti hutang domestik oleh pelabur bukan pemastautin. Terdapat juga pembiayaan semula beberapa pinjaman dengan permodalan ekuiti oleh syarikat yang berkaitan pada suku tersebut. Namun demikian, keadaan ini diimbangi sebahagiannya oleh kenaikan deposit bukan pemastautin serta terbitan bersih bon dan nota luar pesisir.

Hutang luar negeri Malaysia masih terurus, berdasarkan profil mata wang dan tempoh matang hutang serta terdapat aset luaran yang besar. Hampir satu pertiga daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit pada akhir bulan Disember (31.1%; akhir bulan September: 31.3%). Kebanyakan daripada hutang luar negeri adalah dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang domestik (bahagian sebanyak 62.7%) dan deposit dalam ringgit (bahagian sebanyak 17.9%) dalam institusi perbankan domestik oleh bukan pemastautin. Oleh itu, liabiliti tersebut tidak tertakluk pada perubahan penilaian berikutan turun naik dalam kadar pertukaran ringgit.

Baki hutang luar negeri sebanyak RM637.4 bilion atau 68.9% daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam denominasi mata wang asing dan sebahagian besarnya terdiri daripada peminjaman luar pesisir. Pada akhir bulan Disember 2018, peminjaman luar pesisir menurun kepada RM566.9 bilion atau 39.7% daripada KDNK (akhir bulan September: RM570.3 bilion atau 39.9% daripada KDNK). Sektor korporat mencakupi lebih separuh daripada hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing. Daripada jumlah hutang tersebut, kira-kira tiga perempat daripadanya dilindung nilai, sama ada oleh sumbangan aliran hasil dalam denominasi mata wang asing atau instrumen kewangan.

Hutang luar negeri lebih rendah pada S4 2018

Rajah 16: Perubahan dalam Hutang Luar Negeri
Perubahan bersih[1]: -RM8.4 bilion




[1] Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian kadar pertukaran
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang dalam denominasi mata wang asing tertakluk kepada amalan pengurusan mudah tunai berhemat dan keperluan melindung nilai

Rajah 17: Butiran Hutang Luar Negeri dalam Denominasi Mata Wang Asing (% keseluruhan)



*Termasuk kredit perdagangan dan pelbagai, seperti tuntutan insurans yang belum dikeluarkan dan faedah belum bayar untuk bon dan nota

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Daripada jumlah hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing, sebanyak 38.9% (atau RM248.2 bilion) merupakan peminjaman antara bank dan deposit mata wang asing dalam sistem perbankan domestik. Sebanyak 75.5% daripada peminjaman antara bank ialah peminjaman dalam kumpulan, yang kebanyakannya mencerminkan mudah tunai berpusat dan amalan pengurusan pendanaan bank. Pada suku keempat, hutang luar negeri jangka pendek bank dalam denominasi mata wang asing berkurang. Hal ini berikutan pembayaran balik bersih peminjaman antara bank di tengah-tengah pertumbuhan yang mampan bagi sumber pendanaan mata wang asing. Risiko pertukaran asing, yang diukur dalam kedudukan terbuka bersih pendedahan dalam denominasi mata wang asing[3] kekal rendah pada 5.8% daripada jumlah modal bank. Hal ini mencerminkan pendirian bank yang terus berhati-hati dalam menguruskan risiko pertukaran asing.

Bon dan nota jangka panjang yang diterbitkan di luar pesisir berjumlah RM152.7 bilion pada akhir bulan Disember 2018. Terbitan bon dan nota jangka panjang ini menyumbang 24.0% kepada jumlah hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing. Bon dan nota ini diterbitkan terutamanya oleh syarikat bukan kewangan dan disalurkan khususnya untuk membiayai pemerolehan aset di luar negeri. Pinjaman antara syarikat berjumlah RM103.2 bilion dan merupakan 16.2% daripada hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing. Pinjaman ini lazimnya berdasarkan syarat yang fleksibel dan pada kadar konsesi. Kira-kira 80% daripada pinjaman antara syarikat telah diperoleh syarikat multinasional (MNC) daripada syarikat induk atau syarikat sekutu di luar negeri.

Dari perspektif tempoh matang, 56.2% daripada jumlah hutang luar negeri menjurus kepada tempoh jangka sederhana hingga panjang (akhir bulan September: 56.1%), menunjukkan risiko pelanjutan yang terhad. Hutang luar negeri jangka pendek merupakan baki sebanyak 43.8% daripada hutang luar negeri. Pada 31 Januari 2019, rizab antarabangsa berjumlah USD102.1 bilion, yang mencukupi untuk membiayai 7.4 bulan import tertangguh dan merupakan 1.0 kali hutang luar negeri jangka pendek (Untuk keterangan terperinci mengenai komposisi hutang luar negeri, sila rujuk rencana bertajuk 'Profil Hutang Luar Negeri Malaysia' dalam Buletin Suku Tahunan BNM Suku Ketiga 2018).

Yang penting, rizab bukanlah satu-satunya cara bagi bank dan syarikat untuk memenuhi obligasi luaran mereka. Liberalisasi secara progresif terhadap peraturan pentadbiran pertukaran asing membawa kepada desentralisasi rizab yang lebih besar. Khususnya, bank dan syarikat memegang kira-kira tiga perempat daripada aset luaran Malaysia bernilai RM1.7 trilion. Aset luaran ini boleh digunakan untuk membayar obligasi hutang luar negeri mereka sebanyak RM733.3 bilion, tanpa perlu membuat tuntutan terhadap rizab antarabangsa. Walaupun kadar pertukaran yang fleksibel merupakan faktor pelindungan yang penting, rizab antarabangsa yang mencukupi dan ketersediaan aset luaran mata wang asing bank dan syarikat yang besar akan terus menjadi penampan dasar yang penting terhadap sebarang kemungkinan kejutan luaran.

[3] Merujuk jumlah teragregat (aggregated sum) kedudukan mata wang asing jangka pendek atau panjang bersih bagi semua mata wang merentas bank.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

SOROTAN PENTING


- **Ringgit menambah nilai sedikit pada suku keempat meskipun terdapat aliran keluar portfolio bukan pemastautin.**

Ringgit menambah nilai sedikit berbanding dengan dolar AS pada suku keempat

Ringgit menambah nilai sedikit berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku keempat 2018, meskipun terdapat sentimen pelabur yang berhati-hati dalam pasaran kewangan global dan aliran keluar portfolio bukan pemastautin daripada pasaran bon dan ekuiti domestik. Aliran keluar ini didorong terutamanya oleh jangkaan bahawa langkah mengembalikan dasar monetari AS ke tahap yang lebih wajar akan dilaksanakan dengan lebih pantas, sebelum Federal Reserve AS mengurangkan unjuran kadar dasarnya bagi tahun 2019 pada bulan Disember 2018. Selain itu, ketidaktentuan mengenai momentum pertumbuhan dan perdagangan global yang semakin sederhana juga menyebabkan pelabur bukan pemastautin membuat keputusan menjual pelaburan mereka dalam pasaran kewangan serantau, termasuk Malaysia. Walau bagaimanapun, aliran keluar ini telah diimbangi oleh aliran masuk pelaburan pemastautin, terutamanya daripada barangan dan perkhidmatan lantas menyebabkan nilai ringgit meningkat sedikit. Pada masa hadapan, ketidaktentuan perdagangan global yang berterusan serta trajektori langkah mengembalikan dasar monetari ke tahap yang lebih wajar di AS, akan terus mempengaruhi prestasi mata wang serantau, termasuk ringgit.

Ringgit menambah nilai sedikit berbanding dengan dolar AS


Rajah 18: Ringkasan Prestasi Mata Wang Serantau Berbanding dengan dolar AS (1 Oktober - 31 Disember 2018)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia secara umumnya kekal stabil


Rajah 19: Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pasaran ekuiti domestik menurun sejajar dengan prestasi kebanyakan pasaran serantau

Rajah 20: Prestasi Pasaran Ekuiti Serantau



Sumber: Bloomberg

Kadar hasil bon Kerajaan pada amnya stabil walaupun terdapat aliran keluar bukan pemastautin pada suku keempat

Kadar hasil bon domestik meningkat hanya sedikit pada suku keempat walaupun terdapat aliran keluar bukan pemastautin. Hal ini disebabkan oleh sokongan yang berterusan daripada pelabur institusi domestik. Aliran keluar bukan pemastautin daripada pasaran MGS didorong terutamanya oleh jangkaan bahawa langkah mengembalikan dasar monetari AS ke tahap yang lebih wajar akan dilaksanakan dengan lebih pantas. Hal ini telah menyebabkan pelabur antarabangsa mengambil langkah menyeimbangkan semula pelaburan portfolio mereka di pasaran ekonomi sedang pesat membangun (emerging market economies, EME) dan beralih kepada aset kewangan AS. Dalam tempoh tersebut, kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing meningkat sebanyak 2.8, 1.9 dan 0.9 mata asas.

FBM KLCI menurun pada suku keempat disebabkan oleh ketidakpastian luaran

Tidak seperti prestasi yang menggalakkan pada suku ketiga, FBM KLCI merosot 5.7% pada suku keempat untuk ditutup pada 1,690.6 mata pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2018: 1793.2 mata). Dalam tempoh tersebut, sentimen untuk menghindarkan risiko semakin nyata dalam pasaran kewangan global yang berpunca daripada kebimbangan mengenai kadar pelaksanaan langkah mengembalikan dasar monetari ke tahap yang lebih wajar di AS, jangkaan pertumbuhan global yang semakin sederhana dan perolehan korporat yang lebih rendah. Hal ini menyebabkan penjualan pelaburan dalam pasaran ekuiti global oleh pelabur bukan pemastautin, termasuk Malaysia.

Kadar faedah benar naik sedikit dalam keadaan kadar inflasi yang lebih rendah pada suku keempat

Kadar faedah nominal dalam pasaran borong dan runcit stabil sepanjang suku keempat 2018. Penanda aras KLIBOR 3 bulan tidak berubah pada 3.69%, dan kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga kekal pada tahap yang sama. Dalam pasaran runcit, kadar asas (base rate, BR) purata berwajaran dan kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul, masing-masing stabil pada 3.91% (S3 2018: 3.90%) dan 5.42% (S3 2018: 5.43%).


Kadar benar deposit tetap (fixed deposit, FD) terus meningkat pada suku keempat 2018, namun lebih sederhana disebabkan oleh inflasi keseluruhan yang rendah sedikit. Khususnya, kadar benar FD 3 bulan dan 12 bulan masing-masing meningkat 10 mata asas kepada 2.95% (S3 2018: 2.85%) dan 3.13% (S3 2018: 3.03%).

Keadaan mudah tunai kekal mencukupi untuk memudahkan pengantaraan kewangan

Keadaan mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Tahap lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank secara relatif stabil pada suku keempat, mencerminkan aliran keluar bersih yang sederhana. Pada peringkat institusi, kebanyakan bank terus mengekalkan kedudukan lebihan mudah tunai.

Kadar deposit benar meningkat pada kadar yang lebih sederhana


Rajah 21: Kadar Deposit Tetap Benar (mengikut Kematangan) pada akhir tempoh



Sumber: Bank Negara Malaysia

Lebihan mudah tunai ringgit terkumpul di Bank kekal stabil


Rajah 22: Mudah Tunai Ringgit Terkumpul di Bank Negara Malaysia pada akhir tempoh



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan bersih meningkat sederhana disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan bon korporat terkumpul yang lebih rendah

Rajah 23: Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih



Nota: Pembiayaan bersih terdiri daripada pinjaman sistem perbankan dan IKP terkumpul, dan bon korporat terkumpul
*Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan bersih meningkat dengan sederhana pada suku keempat

Pada suku keempat, pembiayaan bersih berkembang 5.8% pada asas tahunan (S3 2018: 6.5%). Hal ini sebahagian besarnya mencerminkan pertumbuhan bon korporat terkumpul[4] yang lebih rendah sebanyak 8.0% (S3 2018: 10.8%), sebahagiannya disebabkan oleh kesan asas yang tinggi dalam tempoh yang sama pada tahun 2017. Pertumbuhan pinjaman terkumpul[5] stabil pada suku keempat pada 5.1% (S3 2018: 5.1%). Pinjaman perniagaan terkumpul meningkat secara berterusan kepada 4.6% (S3 2018: 3.6%), didorong terutamanya oleh pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi untuk sektor *perdagangan borong dan runcit*, *restoran dan hotel*; *perkilangan*; dan *perkhidmatan kewangan*, *insurans dan perniagaan*. Walaupun pertumbuhan pinjaman terkumpul untuk PKS[6] lebih rendah (S4 2018: 0.6%; S3 2018: 2.4%), jumlah pinjaman yang dikeluarkan pada suku keempat adalah lebih tinggi (S4 2018: RM80.8 bilion; S3 2018: RM77.2 bilion). Pinjaman isi rumah terkumpul dalam tempoh tersebut meningkat 5.2% (S3 2018: 5.5%), disokong terutamanya oleh pinjaman untuk *pembelian harta kediaman*; *pembelian sekuriti*; dan *pembiayaan peribadi*.

[4] Bon korporat tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.
[5] Pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[6] Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang dijalankan secara berterusan oleh institusi kewangan.

Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

SOROTAN PENTING

- **MPC mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.25% pada bulan Januari 2019. Keputusan ini diambil memandangkan tahap akomodatif monetari adalah konsisten dengan pendirian dasar yang ditetapkan dan menyokong aktiviti ekonomi.**

OPR kekal akomodatif

Dalam mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) pada bulan November 2018 dan Januari 2019, Kadar Dasar Semalaman (OPR) dikekalkan pada 3.25%. Ekonomi Malaysia dijangka terus berada pada landasan pertumbuhan yang stabil dengan permintaan dalam negeri kekal sebagai pemacu pertumbuhan yang utama. Purata inflasi keseluruhan dijangka mencatatkan peningkatan yang sederhana pada tahun 2019.

MPC menilai bahawa risiko terhadap pertumbuhan global dan pertumbuhan dalam negeri cenderung untuk meningkat dan akan didominasi oleh beberapa cabaran. Antara cabaran tersebut termasuklah pertumbuhan yang lebih perlahan di negara ekonomi utama, ketegangan perdagangan yang meruncing, keadaan kewangan global yang semakin ketat berikutan ketidakpastian kadar dan masa pengembalian dasar monetari ke tahap yang wajar di AS, keadaan politik dan dasar yang semakin tidak menentu, serta kejutan yang berkaitan dengan komoditi. Pada masa hadapan, MPC akan terus memantau dan menilai cabaran-cabaran ini yang mungkin akan memberikan kesan terhadap pertumbuhan dalam negeri dan inflasi.

Pasaran kewangan domestik kekal berdaya tahan meskipun berdepan dengan volatiliti pasaran kewangan global. Keadaan monetari dan kewangan domestik kekal teratur dan menyokong pertumbuhan ekonomi. Operasi monetari akan terus memastikan mudah tunai mencukupi untuk menyokong pasaran wang dan pasaran pertukaran asing serta aktiviti pengantaraan supaya berfungsi dengan teratur.

Sorotan dasar lain pada suku keempat 2018

Bank menerbitkan dokumen dasar penyumberan luar (*outsourcing*) pada bulan Disember 2018. Dasar ini bertujuan untuk memperkukuh perlindungan bagi memastikan risiko penyumberan luar tidak menjejaskan keselamatan dan kekukuhan institusi kewangan serta kebolehan penyeliaan (*supervisability*) Bank. Khususnya, keperluan ini memberikan penekanan yang lebih tinggi terhadap tadbir urus dan pengurusan risiko institusi, usaha wajar penyedia perkhidmatan, perlindungan kerahsiaan data dan perancangan kesinambungan perniagaan. Dasar ini dilengkapi dengan keperluan mendapatkan kelulusan bagi pengaturan penyumberan luar yang signifikan. Piawaian ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2019, dengan pengaturan peralihan sehingga 1 Julai 2022. Langkah ini bagi membolehkan institusi kewangan memastikan pengaturan penyumberan luar yang sedia ada mematuhi keperluan baharu.

Berikutan permintaan pengguna yang semakin meningkat terhadap pembayaran segera dan juga dedahan debit bersih yang terus bertambah

dalam sistem pembayaran runcit masa nyata, keperluan penyeliaan terhadap pengurusan mudah tunai intrahari akan dimasukkan ke dalam draf dedahan Pengurusan Risiko Mudah Tunai, yang dirancang untuk diterbitkan pada tahun 2019.

Memandangkan serangan siber yang berkaitan dengan pembayaran menjadi semakin canggih dan rumit, institusi kewangan digalakkan untuk melaksanakan langkah kawalan yang berkesan dalam persekitaran *assumed breached*. Ini termasuk cara mengesan pembayaran di luar dasar (*out-of-policy*) atau pembayaran yang mencurigakan dan menyekat transaksi palsu yang sedang dilakukan (*fraudulent in-flight transaction*). Langkah sedemikian seharusnya melengkapkan pertahanan yang sedia ada untuk mengatasi serangan siber.

Tinjauan Makroekonomi

SOROTAN PENTING

- **Pada tahun 2019, pertumbuhan global dijangka sederhana.**
- **Ekonomi Malaysia akan terus berada pada landasan pertumbuhan yang stabil pada tahun 2019.**
- **Purata inflasi keseluruhan dijangka meningkat dengan sederhana pada tahun 2019.**

Pertumbuhan global lebih sederhana pada tahun 2019, dengan risiko pertumbuhan menjadi perlahan adalah lebih ketara

Ekonomi global dijangka berkembang pada kadar yang lebih sederhana merentas ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun (EME) pada tahun 2019.


Dalam ekonomi maju, prospek pertumbuhan akan terus dipacu oleh keadaan pasaran pekerja yang kukuh, yang memberikan sokongan berterusan kepada penggunaan swasta, di tengah-tengah aktiviti pelaburan yang lebih sederhana. Walau bagaimanapun, pertumbuhan di AS dijangka sederhana kerana kesan rangsangan dasar fiskal yang semakin menyusut, dan kesan kadar faedah yang tinggi mula menjejaskan ekonomi.

Pertumbuhan di rantau Asia dijangka sederhana. Yang nyata, pertumbuhan di RR China dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan, mencerminkan reformasi struktur yang berterusan di negara tersebut, dalam keadaan wujudnya tindakan perdagangan yang sedia ada dan potensi tindakan perdagangan baharu. Keadaan ini mungkin menjejaskan eksport serantau. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri dijangka menyokong pertumbuhan di rantau ini.

Secara keseluruhan, terdapat risiko pertumbuhan perlahan yang lebih ketara bagi pertumbuhan global pada tahun 2019. Kemerosotan selanjutnya atau ketegangan perdagangan yang meluas akan menjejaskan perdagangan dan pertumbuhan global. Keadaan kewangan yang menjadi ketat dan volatiliti yang ketara dalam pasaran kewangan, serta faktor-faktor khusus untuk negara tertentu, termasuk ketidakpastian politik dan dasar yang meruncing, serta tahap hutang yang meningkat, juga boleh menjejaskan prospek pertumbuhan.

Pertumbuhan global mampan pada 2019


Rajah 24: Pertumbuhan KDNK



Sumber: Prospek Ekonomi Dunia Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (Januari 2019)

Penunjuk sentimen sederhana

Rajah 25: Indeks Sentimen Pengguna dan Keadaan Perniagaan MIER



Sumber: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka berada pada landasan yang stabil pada tahun 2019

Dalam keadaan ketegangan perdagangan yang meruncing dan keadaan kewangan global yang ketat, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan pada 4.7% bagi tahun 2018. Pertumbuhan pada tahun 2018 turut terjejas akibat gangguan bekalan yang tidak dijangka dalam sektor yang berkaitan dengan komoditi.

Pada tahun 2019, ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang pada kadar yang stabil berikutan gangguan bekalan semakin pulih dan bermulanya fasiliti pengeluaran baharu. Permintaan sektor swasta akan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan dalam keadaan rasionalisasi fiskal, manakala sektor luaran dijangka terjejas akibat permintaan global yang lebih perlahan. Meskipun sentimen telah menjadi sederhana berbanding dengan tahap yang tinggi sebelum ini, perbelanjaan sektor swasta akan terus disokong oleh faktor-faktor asas seperti pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga yang berterusan.

Risiko terhadap pertumbuhan terus cenderung untuk meningkat. Hal ini berpunca terutamanya daripada ketegangan perdagangan yang terus meruncing dan keadaan kewangan global yang semakin ketat.

Inflasi keseluruhan dijangka mencatatkan peningkatan yang sederhana pada tahun 2019

Pada tahun 2019, purata inflasi keseluruhan dijangka mencatatkan peningkatan yang sederhana. Dasar cukai penggunaan akan memberikan kesan sementara ke atas inflasi keseluruhan pada tahun 2019, dan kesan itu akan mula luput menjelang akhir tahun tersebut.

Perkembangan terkini dalam pasaran minyak global telah menyebabkan jangkaan harga minyak global yang lebih rendah. Dengan apungan harga bahan api domestik pada bulan Januari 2019, harga minyak global yang lebih rendah akan mempunyai kesan yang lebih langsung dan membendung kenaikan inflasi keseluruhan. Walau bagaimanapun, trajektori harga minyak global kekal tidak menentu, lantas menimbulkan risiko terhadap prospek inflasi.

Inflasi asas, yang tidak mengambil kira kesan perubahan dasar cukai penggunaan, pada amnya dijangka menjadi stabil pada tahun 2019, dengan ketiadaan tekanan permintaan yang kukuh.

Tambahan

Jadual 1

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2018 (%)	2017		2018		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	92.9	6.2	6.5	6.9	5.6	5.6
Sektor Swasta	*72.8*	7.4	7.5	8.5	7.7	7.2
Penggunaan	*55.5*	*7.0*	*7.0*	*9.0*	*8.5*	*8.1*
Pelaburan	*17.4*	*9.2*	*9.3*	*6.9*	*4.4*	*4.5*
Sektor Awam	20.1	3.4	3.3	1.1	0.4	0.1
Penggunaan	*12.8*	*6.8*	*5.4*	*5.2*	*4.0*	*3.3*
Pelaburan	*7.3*	*-1.4*	*0.1*	*-5.5*	*-4.9*	*-5.2*
Eksport Bersih	8.4	2.3	-1.9	-7.5	9.9	13.4
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*70.6*	*6.7*	*9.4*	*-0.8*	*1.3*	*1.5*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*62.2*	*7.3*	*10.9*	*0.1*	*0.2*	*0.1*
KDNK	**100.0**	**5.9**	**5.9**	**4.4**	**4.7**	**4.7**
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.0**	**-**	**1.6**	**1.4**	**-**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)

Perubahan tahunan (%)	Bahagian 2018 (%)	2017	2018			
		S4	S1	S2	S3	S4
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan	55.5	6.2	6.5	6.5	7.2	6.9
Perkilangan	23.0	5.4	5.3	4.9	5.0	4.7
Perlombongan	7.9	-0.3	0.1	-2.2	-4.6	0.5
Pertanian	7.8	10.7	2.8	-2.5	-1.4	-0.4
Pembinaan	4.5	5.9	4.9	4.7	4.6	2.6
KDNK Benar	**100.0**[1]	**5.9**	**5.4**	**4.5**	**4.4**	**4.7**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3

Imbangan Pembayaran[1]

	2017		2018		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Akaun Semasa	**13.9**	**40.3**	**3.8**	**10.8**	**33.5**
(% daripada PNK)	*4.0*	*3.1*	*1.1*	*3.0*	*2.4*
Barangan	34.1	116.8	26.6	33.0	121.4
Perkhidmatan	-7.0	-22.8	-3.3	-4.3	-19.7
Pendapatan primer	-8.4	-36.4	-15.0	-12.9	-49.4
Pendapatan sekunder	-4.8	-17.3	-4.5	-4.9	-18.8
Akaun Kewangan	**0.9**	**-4.7**	**2.3**	**-6.1**	**18.6**
Pelaburan langsung	5.0	16.2	0.5	2.1	11.3
Aset	*-0.3*	*-24.2*	*-5.6*	*-10.0*	*-23.3*
Liabiliti	*5.2*	*40.4*	*6.1*	*12.1*	*34.6*
Pelaburan portfolio	9.4	-15.4	0.8	-5.8	-44.4
Aset	*1.3*	*-19.4*	*4.4*	*-3.3*	*-9.1*
Liabiliti	*8.1*	*4.1*	*-3.6*	*-2.5*	*-35.3*
Derivatif kewangan	-1.1	-0.2	0.0	-0.7	1.0
Pelaburan lain	-12.3	-5.3	1.0	-1.8	50.7
Kesilapan dan ketinggalan[2]	-12.6	-19.1	-9.5	-10.8	-44.3
Imbangan Keseluruhan	**2.1**	**16.4**	**-3.4**	**-6.2**	**7.7**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Termasuk penambahan/pengurangan nilai rizab antarabangsa hasil daripada penilaian semula pertukaran asing yang belum direalisasikan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 4

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2017	2018	
	akhir Dis	akhir Sep	akhir Dis
	RM bilion		
Jumlah hutang luar negeri	**885.2**	**933.3**	**924.9**
Bersamaan dengan USD bilion	*215.9*	*223.0*	*221.0*
Mengikut instrumen			
Bon dan nota[1]	151.4	150.0	153.2
Peminjaman antara bank[1]	172.2	211.9	204.1
Pinjaman antara syarikat[1]	131.3	135.0	136.5
Pinjaman[1]	53.7	73.4	73.2
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	207.4	183.9	180.2
Deposit bukan pemastautin	92.0	94.9	98.2
Lain-lain[2]	77.2	84.2	79.5
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	533.4	523.6	519.6
Jangka pendek	351.8	409.7	405.3
Denominasi mata wang			
Ringgit	307.6	292.5	287.5
Asing	577.7	640.8	637.4
Jumlah hutang/KDNK (%)	65.4	65.3	64.7
Hutang jangka pendek/Jumlah hutang (%)	39.7	43.9	43.8
Rizab/Hutang jangka pendek (kali)	1.2	1.0	1.0[3]

[1] Instrumen hutang terkandung dalam peminjaman luar pesisir.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain.
[3] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 31 Januari 2019.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 5

Pembiayaan Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan, IKP dan Pasaran Modal

	2017		2018			2017		2018		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Pertukaran pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
Jumlah pembiayaan bersih	**42.5**	**138.2**	**34.3**	**30.5**	**133.9**	**6.4**	**6.4**	**6.5**	**5.8**	**5.8**
Pinjaman terkumpul[1,2]	22.2	63.1	25.6	23.6	88.7	3.8	3.8	5.1	5.1	5.1
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan	-2.3	8.1	9.5	3.9	28.8	1.3	1.3	3.6	4.6	4.6
PKS[3]	*5.1*	*15.9*	*-1.3*	*-0.4*	*2.0*	*5.3*	*5.3*	*2.4*	*0.6*	*0.6*
Bukan PKS	*-7.5*	*-7.8*	*10.8*	*4.3*	*26.8*	*-2.5*	*-2.5*	*4.8*	*8.7*	*8.7*
Isi rumah	16.7	46.6	14.5	14.5	52.0	4.9	4.9	5.5	5.2	5.2
Bon korporat terkumpul	20.3	75.1	8.7	6.9	45.2	15.4	15.4	10.8	8.0	8.0

[1] Sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP)
[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[3] Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang dijalankan secara berterusan oleh institusi kewangan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 6

Penunjuk Pinjaman

	2017		2018			2017		2018		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
Jumlah										
Permohonan pinjaman[1]	217.6	841.2	230.9	200.0	859.4	9.5	5.1	4.3	-8.1	2.2
Kelulusan pinjaman[1]	104.1	380.1	104.4	103.1	397.5	11.9	10.2	7.8	-0.9	4.6
Pengeluaran pinjaman[2]	310.0	1,171.3	314.1	340.7	1,256.6	3.6	5.0	8.8	9.9	7.3
Bayaran balik pinjaman[2]	300.3	1,159.1	307.9	332.7	1,236.8	7.0	6.8	6.5	10.8	6.7
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan[3]										
Permohonan pinjaman	100.0	370.1	100.3	86.5	380.0	8.1	-1.1	3.3	-13.4	2.7
Kelulusan pinjaman	51.6	177.8	48.4	50.9	186.1	11.2	8.4	9.0	-1.3	4.7
Pengeluaran pinjaman	219.7	835.9	224.4	248.3	898.7	0.9	4.8	9.2	13.0	7.5
Bayaran balik pinjaman	216.4	834.4	222.3	244.9	889.6	5.4	6.6	6.6	13.2	6.6
PKS[4]										
Permohonan pinjaman	47.7	177.2	47.1	43.3	181.9	3.4	-2.5	1.6	-9.3	2.6
Kelulusan pinjaman	18.5	64.6	17.8	16.3	65.5	-4.3	-2.6	5.0	-11.6	1.4
Pengeluaran pinjaman	78.4	296.3	77.2	80.8	307.3	8.6	10.8	0.5	3.1	3.7
Bayaran balik pinjaman	73.4	286.1	76.3	79.3	304.3	7.9	9.8	2.7	8.1	6.4
Bukan PKS[3]										
Permohonan pinjaman	52.3	192.9	53.3	43.2	198.1	12.8	0.3	4.8	-17.2	2.7
Kelulusan pinjaman	33.1	113.2	30.5	34.5	120.6	22.2	15.9	11.4	4.4	6.6
Pengeluaran pinjaman	141.3	539.6	147.2	167.5	591.4	-3.0	1.7	14.4	18.6	9.6
Bayaran balik pinjaman	143.1	548.3	146.0	165.6	585.3	4.1	5.0	8.8	15.8	6.7
Isi Rumah										
Permohonan pinjaman	117.6	471.1	130.6	113.5	479.3	10.7	10.5	5.1	-3.5	1.7
Kelulusan pinjaman	52.5	202.4	56.1	52.3	211.3	12.6	11.8	6.8	-0.5	4.4
Pengeluaran pinjaman	90.3	335.4	89.7	92.4	357.9	10.8	5.6	7.9	2.4	6.7
Bayaran balik pinjaman	83.8	324.7	85.6	87.7	347.2	11.3	7.3	6.2	4.7	6.9

[1] Permohonan dan kelulusan pinjaman bagi semua segmen merangkumi sistem perbankan sahaja
[2] Pengeluaran dan bayaran balik pinjaman bagi semua segmen merangkumi sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP)
[3] Termasuk institusi kewangan bukan bank domestik, institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing
[4] Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang dijalankan secara berterusan oleh institusi kewangan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 7

Penunjuk Keberuntungan Sektor Perbankan

	2017	2018			
	S4	S1	S2	S3	S4
Pulangan atas ekuiti (%)	13.1	12.4	13.3	12.7	12.6
Pulangan atas aset (%)	1.5	1.4	1.5	1.4	1.4
	RM juta				
Pendapatan faedah bersih	11,662	12,045	12,046	12,253	12,493
Campur: Pendapatan berasaskan fi	3,036	2,606	2,515	2,479	2,475
Tolak: Kos operasi[1]	8,180	8,101	7,838	7,725	8,289
Keuntungan operasi kasar	6,517	6,550	6,723	7,007	6,679
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain	415	682	429	630	652
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	6,103	5,868	6,294	6,377	6,027
Campur: Pendapatan lain	3,838	3,048	4,063	2,228	3,370
Untung sebelum cukai	**9,941**	**8,916**	**10,356**	**8,605**	**9,397**
	Perubahan tahunan (%)				
Pulangan atas ekuiti *(mata peratusan)*	0.5	0.6	0.6	-0.1	-0.4
Pulangan atas aset *(mata peratusan)*	0.1	0.1	0.1	0.01	-0.03
Pendapatan faedah bersih	5.0	6.7	3.7	4.3	7.1
Campur: Pendapatan berasaskan fi	18.2	4.3	-0.5	-3.0	-18.5
Tolak: Kos operasi[1]	7.7	7.1	2.2	0.5	1.3
Keuntungan operasi kasar	7.2	5.2	3.8	5.9	2.5
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain	-40.2	126.9	-47.8	19.3	57.1
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	13.3	-0.9	11.3	4.7	-1.2
Campur: Pendapatan lain	67.6	52.0	13.6	-26.7	-12.2
Untung sebelum cukai	**29.5**	**12.4**	**12.2**	**-5.8**	**-5.5**

[1] Merujuk kos kakitangan dan overhed
[2] Merujuk peruntukan jejas nilai individu dan secara kolektif berdasarkan Dokumen Dasar Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman/Pembiayaan bagi bank yang belum menerima pakai Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9); dan Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit bagi bank yang telah menerima pakai MFRS 9.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 8

Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful

	2017	2018			
	S4	S1	S2	S3	S4
	RM juta				
Insurans Hayat & Takaful Keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	4,918	4,095	-1,222	8,414	-998
Insurans Am & Takaful Am					
Keuntungan operasi	783	561	759	1,207	466
Nisbah tuntutan (%)	55	57	59	53	57
	Perubahan tahunan (%)				
Insurans Hayat & Takaful Keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	647.7	-33.1	-127.7	139.2	-120.3
Insurans Am & Takaful Am					
Keuntungan operasi	-12.1	13.4	-0.4	84.7	-40.5
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	-1.7	-6.0	3.7	-7.9	2.3

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 9

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2017		2018[a]		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Hasil	64.6	220.4	58.9	67.4	233.1
% pertumbuhan tahunan	*8.0*	*3.8*	*0.3*	*4.3*	*5.8*
Perbelanjaan mengurus	58.3	217.7	55.1	57.5	230.4
% pertumbuhan tahunan	*16.7*	*3.6*	*14.1*	*-1.4*	*5.8*
Akaun semasa	**6.3**	**2.7**	**3.9**	**9.9**	**2.7**
% daripada KDNK	***1.8***	***0.2***	***1.1***	***2.6***	***0.2***
Perbelanjaan pembangunan bersih	13.4	43.0	7.5	28.0	55.3
% pertumbuhan tahunan	*-1.9*	*5.9*	*-22.4*	*108.5*	*28.5*
Imbangan keseluruhan	**-7.2**	**-40.3**	**-3.6**	**-18.1**	**-52.5**
% daripada KDNK	***-2.0***	***-3.0***	***-1.0***	***-4.8***	***-3.7***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	71.8	260.7	62.5	85.5	285.7
% pertumbuhan tahunan	*12.7*	*3.9*	*8.0*	*19.1*	*9.6*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	686.8	686.8	731.1	741.0	741.0
% daripada KDNK	*50.7*	*50.7*	*51.1*	*51.8*	*51.8*
Hutang dalam negeri	484.1	484.1	547.3	562.2	562.2
% daripada KDNK	*35.8*	*35.8*	*38.3*	*39.3*	*39.3*
Hutang luar negeri	202.8	202.8	183.8	178.8	178.8
% daripada KDNK	*15.0*	*15.0*	*12.9*	*12.5*	*12.5*
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	*186.2*	*186.2*	*167.2*	*162.1*	*162.1*
% daripada KDNK	*13.8*	*13.8*	*11.7*	*11.3*	*11.3*
Peminjaman luar pesisir	*16.6*	*16.6*	*16.6*	*16.7*	*16.7*
% daripada KDNK	*1.2*	*1.2*	*1.2*	*1.2*	*1.2*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia